



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“OPERASI KHAS PEMANDU WARGA ASING (PeWA) DAN PELANJUTAN PENGURANGAN KADAR BAYARAN FI LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM) KEPADA KENDERAAN *DECONTROLLED* CAMERON HIGHLANDS”

Cameron Highlands, 22 Ogos 2024 – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia pada hari ini ingin memaklumkan berkenaan dua (2) perkara yang melibatkan penguatkuasaan ke atas pemeriksaan kenderaan dan pemandu warga asing (PeWA) dan inisiatif yang melibatkan kelangsungan ekosistem pengangkutan perusahaan agrotani komersial di Cameron Highlands seperti berikut :

i. OPERASI KHAS PEMANDU WARGA ASING (PeWA) DI CAMERON HIGHLANDS

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia telah mengadakan Operasi Pemandu Warga Asing (PeWA) pada 21 dan 22 Ogos 2024 untuk memfokuskan kepada pemeriksaan ke atas semua jenis kenderaan yang dipandu oleh warga asing di sekitar Cameron Highlands.

Operasi pada kali ini telah memfokuskan kepada pemandu warga asing yang memandu tanpa memiliki lesen memandu yang sah, lesen kenderaan motor tamat tempoh, tiada perlindungan insurans dan ketidakpatuhan kepada teknikal kenderaan serta keselamatan kenderaan yang digunakan oleh pemandu yang menjadi punca kepada kemalangan pemandu kenderaan itu sendiri atau pengguna jalan raya yang lain.

Berdasarkan kepada statistik Operasi Pemandu Warga Asing (PeWA) di Cameron Highlands yang telah dijalankan oleh pihak JPJ, statistik menunjukkan :

OPERASI PEMANDU WARGA ASING (PeWA) – CAMERON HIGHLANDS				
BIL	PERKARA	STATISTIK (21 & 22 Ogos 2024)		
1	Kenderaan Diperiksa	204		
2	Kenderaan Diambil Tindakan	40		
3	Kenderaan Disita	31		
4	Pemandu Warga Asing Yang Diambil Tindakan	20		
5	Notis yang dikeluarkan pelbagai kesalahan	Pemandu		Keseluruhan
		Bukan Warganegara	Warganegara	
		46	29	138

Jadual - Statistik Operasi Pemandu Warga Asing (PeWA) – Cameron Highlands

ii. PELANJUTAN PENGURANGAN KADAR BAYARAN FI LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM) KEPADA KENDERAAN *DECONTROLLED* CAMERON HIGHLANDS

Bagi memastikan kelangsungan ekonomi perusahaan agrotani komersial di Cameron Highlands terutamanya melibatkan ekosistem pengangkutan hasil-hasil agrotani berjalan lancar, sejak tahun 1987 sehingga kini, pihak Kerajaan melalui JPJ telah memberikan pengurangan kadar bayaran fi LKM sebanyak 90% ke atas kenderaan *decontrolled* Cameron Highlands (CH) yang mengangkut hasil agrotani dan barang-barang pertanian.

Sehubungan dengan itu, sukacitanya pihak JPJ ingin memaklumkan bahawa kenderaan *decontrolled* Cameron Highlands (CH) akan diberikan pelanjutan pengurangan kadar bayaran fi LKM sebanyak 90% untuk **tempoh tiga (3) tahun** iaitu bermula **28 Oktober 2024 hingga 27 Oktober 2027**.

Inisiatif ini sebagai langkah proaktif Kerajaan MADANI untuk memanfaatkan **1,058 kenderaan *decontrolled* CH** (sehingga 15 Ogos 2024) yang mengangkut hasil agrotani dan barang-barang pertanian dalam kawasan Cameron Highlands yang sangat bertepatan membantu para petani/pengusaha agrotani dalam menguruskan pengangkutan dan pengedaran hasil-hasil agrotani mereka dari kawasan kebun ke pusat-pusat pengumpulan sayuran.

Usaha berterusan Kerajaan juga adalah untuk memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha lori sayur di kawasan Cameron Highlands, untuk menggantikan kenderaan pacuan empat roda (4X4) seperti land rover, yang kebanyakannya tidak dapat lagi digunakan kerana telah berusia, uzur dan usang (*beyond economic repair*) secara langsungnya untuk membantu mengurangkan bebanan kos di pihak ahli-ahli persatuan.

Jabatan ini sentiasa komited untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya sentiasa terpelihara seterusnya berada pada tahap yang terbaik. “Pandu Cermat, Sampai Selamat”.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA
22 OGOS 2024**

[TAMAT]

LAMPIRAN

STATISTIK NOTIS YANG DIKELUARKAN OPERASI PEMANDU WARGA ASING (PEWA) – CAMERON HIGHLANDS (21 & 22 OGOS 2024)

STATISTIK NOTIS YANG DIKELUARKAN OPERASI PEMANDU WARGA ASING (PEWA) – CAMERON HIGHLANDS (21 & 22 OGOS 2024)				
Notis yang dikeluarkan	Pemandu		Pemilik	Keseluruhan
	Bukan Warganegara	Warganegara		
Tiada CDL	17	8	24	49
CDL/ PDL/ LDL Tamat Tempoh	0	2	0	2
Tiada Lesen Vokasional	11	3	14	28
LKM Tamat Tempoh (Ada Insurans)	1	0	1	2
LKM Tamat Tempoh (Tiada Insurans)	4	3	6	13
Tiada Insurans Kenderaan	4	3	6	13
Salah Guna LKM	2	6	8	16
Menggunakan telefon bimbit	0	1	0	1
Ubahsuai (Dinding)	3	0	1	4
Tidak Selenggara Kenderaan Dengan Baik	0	0	1	1
Kesalahan Teknikal	2	0	0	2
Lain-lain Kesalahan	2	3	2	7
Jumlah	46	29	63	138